



### UPM-MVP Hasil Vaksin Haiwan Ternakan Tempatan



*Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Salleh (kanan) bertukar dokumen dengan Pengarah Urusan MVP, Ishan Pawan Ahmad.*

**SHAH ALAM, 11 Mei** – Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) Universiti Putra Malaysia (UPM) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Malaysia Vaccine & Pharmaceuticals Sdn Bhd (MVP) dalam projek penyelidikan bagi menghasilkan vaksin haiwan ternakan tempatan.

Persefahaman itu dimeterai sempena MVP 1st Convention 2010 dengan kerjasama UPM dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mempergiatkan usaha pengkomersialan produk penyelidikan tempatan bagi dipasarkan ke peringkat antarabangsa.

Selain daripada UPM, MVP turut menandatangani persefahaman MoU dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Nano One Sdn. Bhd. dan Charoen Pokphand Thailand dalam majlis yang sama di sini.



MoU ditandatangani oleh Timbalan Naib Cancellor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Salleh dan Pengarah Urusan MVP, Ishan Pawan Ahmad dengan disaksikan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Mohd Johari Baharum.

Dato' Mohd Johari berkata kerjasama antara kerajaan, universiti, pusat penyelidikan dan sektor swasta penting untuk memajukan industri vaksin bagi kesihatan industri ternakan haiwan.

“Malaysia mampu menjimatkan jutaan ringgit setahun sekiranya menggunakan kepakaran institusi penyelidikan tempatan bagi menghasilkan vaksin haiwan berbanding

mengimportnya seperti amalan masa kini,” katanya pada majlis menandatangani MoU tersebut.



*Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Salleh (kiri sekali) sedang memberi penerangan kepada Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Mohd Johari Baharum (tengah).*

Dato' Mohd Johari berharap Institusi Penyelidikan Veterinar (VRI) di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) berkongsi pengetahuan dengan UPM bagi mengembangkan lagi industri vaksin ternakan tempatan dalam negara.

“Sambutan baik terhadap keluaran negara di 20 buah negara termasuk ASEAN, Asia dan Afrika membuktikan kualiti, keselamatan dan keberkesanan vaksin Malaysia setanding dengan keluaran negara luar,” katanya.

MVP merupakan satu-satunya syarikat di Malaysia yang mengeluarkan 16 vaksin haiwan sejak 16 tahun lalu hasil penswastaaan penyelidikan VRI dengan kemampuan pengeluaran 700 juta dos vaksin setahun untuk kegunaan ternakan ayam, itik dan khinzir.



**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Parimala Subramani 'pelatih wartawan' 03-89466014).**